

20 DEC 1997

Mahathir-Sentimen

MAHATHIR MINTA RAKYAT KAWAL SENTIMEN HADAPI MASALAH EKONOMI

KUALA LUMPUR, 20 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata masalah ekonomi yang sedang dihadapi negara akibat kejatuhan nilai ringgit dan pasaran saham tidak boleh diatasi dengan tindakan-tindakan liar dan sentimen kemarahan.

Perdana Menteri berkata tindakan buruk seperti itu hanya akan menyebabkan pertelingkahan dan perpecahan sesama sendiri, sekaligus merosakkan perpaduan yang sangat diperlukan bagi menangani saat-saat yang amat genting bagi negara pada masa ini.

"Saya yakin kalau kita sanggup mendisiplinkan dan kawal diri supaya tidak bertindak liar dan patuh kepada dasar-dasar dan prinsip perjuangan negara, insyaAllah kita akan dapat mengatasinya.

"Tapi kalau kita terbawa-bawa dengan sentimen kemarahan kepada keadaan dan kita menyalahkan kerajaan umpamanya atau kita menyalahkan mana-mana pihak maka kita sesama kita akan bertelingkah dan ini secara langsung akan melumpuhkan kita," kata Dr Mahathir kepada perhimpunan bagi melafazkan ikrar taat setia para pegawai dan kakitangan Kementerian Penerangan serta karyawan seni kepada kepimpinan beliau di Angkasapuri di sini.

Perdana Menteri berada di Angkasapuri untuk merakamkan ucapan Selamat Tahun Baru dan melancarkan Radio 8, stesen radio terbaru di negara ini yang dikendalikan oleh Jabatan Penerangan.

Dr Mahathir berkata masalah yang sedang dihadapi negara hanya boleh diatasi dengan sikap berdisiplin dan ketaatan yang lebih tinggi daripada masa-masa lain, bukannya bantuan daripada orang luar.

Dengan menjadikan tindakan kaum wanita di Korea Selatan mendermakan barang kemas seberat satu tan bagi membantu memulihkan semula perniagaan kecil dan sederhana di negara itu sebagai contoh, Perdana Menteri berkata hanya semangat seperti itulah yang mampu memulihkan ekonomi negara.

"Ini membuktikan sikap tolong menolong ini adalah penting. Hari ini kita menolong orang lain, hari esok orang lain akan menolong kita.

"Inilah semangat yang dapat mematahkan usaha pihak lain untuk merosakkan pertumbuhan ekonomi kita, menjadikan kita miskin seperti dahulu dan kemudian mereka akan menjajah kita melalui penguasaan ekonomi," katanya.

Katanya, kegawatan ekonomi di Korea Selatan lebih buruk daripada Malaysia dengan mata wang negara itu jatuh lebih 100 peratus tetapi rakyatnya jelas bersedia berkorban untuk membantu memulihkannya semula.

Dr Mahathir berkata kerajaan telah menggubal perancangan untuk mengatasi masalah ekonomi negara tetapi ia bukanlah dasar atau undang-undang kerana kejayaan pelaksanaannya bergantung kepada kerjasama setiap individu di negara ini.

Dalam hal ini, Perdana Menteri berkata kakitangan kerajaan sudah pasti mempunyai tanggungjawab yang lebih bagi menjayakannya manakala rakyat lain pula hendaklah sentiasa berusaha memelihara perpaduan dengan cukup rapat.

"Inilah harapan kita semua dan saya berharap ikrar yang diberi akan menjamin kita semua akan tekun, bersatu semasa menghadapi masalah ini," katanya merujuk kepada ikrar yang dilafazkan kira-kira 700 pegawai dan kakitangan Kementerian Penerangan serta karyawan seni. Pembacaan ikrar itu diketuai Ketua Setiausaha Kementerian Penerangan, Datuk Zawawi Mahmuddin.

Pada majlis itu, kesemua yang hadir telah menghadiahkan lagu berjudul "Doktor Ku" kepada Dr Mahathir sempena hari ulangtahun kelahiran yang ke-72. Liriknyanya dicipta oleh Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat

manakala lagu itu digubah oleh Pengarah Muzik RTM, Datuk Ahmad Dassilah.

Yang turut hadir, Timbalan Menteri Penerangan Datuk Suleiman Mohamed, Setiausaha Parlimen Datuk Shafie Apdal dan pegawai tinggi Kementerian Penerangan. -- BERNAMA

AH NI